

BN miliki kelebihan lerai kebuntuan pasca PRN Sabah

- Kekuatan BN dalam PRN ini bukan sahaja terletak pada jumlah kerusi dimenangnya, tetapi kedudukannya sebagai blok tengah berupaya menentukan arah pembentukan kerajaan

- Gabungan bakal terbentuk perlu bukan sahaja stabil, tetapi benar-benar berupaya menyelesaikan isu asas rakyat Sabah dan memperkukuh hak negeri dalam kerangka Perjanjian Malaysia 1963 (MA63)



Pengarah Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme, Ghazali Shafie Graduate School of Government, Universiti Utara Malaysia

Prof Madya Dr Mashitah Mohd Udin
bhrencana@bh.com.my

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi memberikan isyarat awal daripada bacaan semasa, tiada mana-mana parti mampu memperoleh majoriti jelas dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah Ke-17 esok.

Hal ini menunjukkan kerajaan campuran hampir pasti akan terbentuk semula di Sabah selepas keputusan PRN diumumkan.

Berdasarkan analisis pola pengundian sepanjang kempen, jangkaan terkini menunjukkan Parti Warisan (Warisan) dijangka menjadi pemenang terbanyak dengan lebih 20 kerusi, diikuti Barisan Nasional (BN) dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS).

Parti lain seperti Pakatan Harapan (PH), Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO), Parti Solidariti Tanah Airku (STAR), Parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (PKDM) dan Perikatan Nasional (PN) menyusuli mereka.

Dengan jumlah keseluruhan 73 kerusi, tidak ada satu parti pun mencapai majoriti mudah sebanyak 37 kerusi. Keputusan sedemikian mewujudkan keadaan 'tergantung' yang mana tiada pihak memiliki angka mencukupi untuk membentuk kerajaan secara bersendirian.

Justeru, rundingan pasca pilihan raya akan menjadi penentu sebenar bentuk kerajaan baharu akan mentadbir Sabah.

Warisan dijangka muncul sebagai parti tunggal terbesar. Senarai calon meliputi keseluruhan 73 DUN menunjukkan keyakinan Datuk Seri Mohd Shafie Apdal untuk kembali memegang jawatan Ketua Menteri.

Namun, realiti politik Sabah sejak 2020 memperlihatkan hubungan politik lebih kompleks, terutama dalam interaksi antara parti tempatan, parti nasional dan institusi istana.

Walaupun Warisan berada di kedudukan teratas, penguasaan kerusi besar tidak semestinya menjamin Mohd Shafie kembali mengetuai kerajaan negeri. Kerajaan campuran lazimnya memerlukan tokoh kompromi bukan sahaja diterima sekutu politik, tetapi istana dan kerajaan Persekutuan.

Pengalaman politik Sabah dipenuhi episod lompat parti, perubahan kerajaan mendadak serta pembentukan gabungan baharu menjadikan laluan Mohd Shafie sepertinya amat sukar.

BN dijangka berada di kedudukan kedua, satu pencapaian boleh dianggap sangat baik memandangkan wujud pertandingan sehingga 14 penjuror di beberapa DUN.

Pemilihan calon muka baharu merangkumi go-

longan profesional, termasuk dua doktor perubatan turut memberi suntikan imej segar kepada BN.

Kekuatan BN pada PRN ini bukan sahaja terletak pada jumlah kerusi dimenangnya, tetapi kedudukannya sebagai blok tengah berupaya menentukan arah pembentukan kerajaan.

Posisi strategik bentuk gabungan

BN berada pada posisi strategik memilih sama ada bekerjasama dengan Warisan, GRS, PH atau membentuk gabungan besar merangkumi beberapa parti lain.

Walaupun Warisan dijangka menjadi parti terbesar, terdapat beberapa faktor mengurangkan kemungkinan Mohd Shafie kembali sebagai Ketua Menteri.

Pertama, pembentukan kerajaan campuran memerlukan calon dapat diterima semua rakan gabungan. Mohd Shafie, sebagai tokoh utama blok pembangkang sebelum ini, mungkin dilihat kurang sesuai bagi sesetengah rakan rundingan.

Kedua, terdapat keletihan politik dalam kalangan sebahagian elit dan pengundi akibat krisis politik 2020 dan kejatuhan kerajaan Warisan.

Walaupun faktor ini tidak menjejaskan sokongan akar umbi secara besar, ia mungkin mempengaruhi keputusan beberapa parti dalam proses rundingan pasca PRN.

Ketiga, kerajaan Persekutuan menunjukkan kepentingan kestabilan sebagai keutamaan utama. Parti nasional cenderung kepada kestabilan mungkin lebih selesa memilih tokoh BN sebagai Ketua Menteri kompromi berbanding memilih Presiden Warisan.

Jika BN muncul sebagai blok kedua terbesar dan menjadi penentu pembentukan kerajaan, dua tokoh BN dijangka menjadi calon paling layak menjadi

Ketua Menteri lanjutan masalah dihadapi Pengerusi BN Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin.

Pertama ialah Datuk Seri Panglima Dr Salleh Said Keruak yang mempunyai pengalaman luas dalam kerajaan negeri dan Persekutuan, termasuk pernah menjadi Ketua Menteri, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah dan Menteri Komunikasi dan Multimedia.

Beliau juga mempunyai hubungan rapat dengan institusi diraja serta dihormati dalam pelbagai komuniti etnik, menjadikannya tokoh kompromi ideal untuk kerajaan campuran.

Kedua ialah Datuk Mohamad Alamin, Timbalan Menteri Luar Negeri dan Ahli Parlimen Kimanis, mewakili generasi kepemimpinan pertengahan lebih muda, profesional dan berwibawa.

Kedudukannya dalam kerajaan Persekutuan mengukuhkan beliau sebagai jambatan antara Putrajaya dan Sabah, menjadikan beliau calon Ketua Menteri berpotensi diterima gabungan besar.

Selepas keputusan PRN diumumkan, fokus utama akan tertumpu kepada parti akan dipilih BN sebagai rakan gabungan.

Terdapat beberapa kemungkinan senario. Pertama, BN boleh memilih bergabung dengan Warisan bagi membentuk kerajaan didominasi dua blok terbesar. Gabungan ini akan memiliki majoriti kukuh tanpa keperluan menyertakan GRS atau PH.

Kedua, BN boleh memilih membentuk kerajaan perpaduan Sabah bersama Warisan, PH dan GRS. Dalam senario ini, semua blok utama akan berada dalam satu kerajaan besar, selari dengan konsep Kerajaan Perpaduan di peringkat Persekutuan.

Ketiga, BN mungkin bersetuju bekerjasama dengan GRS, PH, UPKO, STAR atau PKDM untuk membentuk kerajaan baharu tanpa Warisan. Gabungan seperti ini memberikan alternatif yang juga mampu memperoleh majoriti stabil.

Dalam semua senario ini, BN mempunyai justifikasi kuat menuntut jawatan Ketua Menteri kerana kedudukannya menentukan hidup matinya sesebuah gabungan.

Kesimpulannya, BN dijangka berada dalam posisi sebagai penentu arah tuju gabungan kerajaan. Tokoh seperti Salleh dan Mohamad muncul sebagai calon Ketua Menteri kompromi mampu menyeimbangkan keperluan politik negeri, kepentingan istana dan hubungan dengan Putrajaya.

Pada akhirnya, masa depan Sabah ditentukan bukan sahaja keputusan rakyat di kertas undi, tetapi proses rundingan politik selepas PRN.

Gabungan bakal terbentuk perlu bukan sahaja stabil, tetapi benar-benar berupaya menyelesaikan isu asas rakyat Sabah dan memperkukuh hak negeri dalam kerangka Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

